

Untuk Siaran Segera
19 Jun 2026

PNB Lancar Laporan Bersepadu 2025, Menampilkan Prestasi Pelaburan yang Berdaya Tahan

Agihan RM15.3 Bilion dan pertumbuhan kukuh AUM memperkasa Matlamat PNB dalam mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi

- Permodalan Nasional Berhad (PNB) mencatatkan agihan tertinggi sebanyak RM15.3 bilion kepada 13.1 juta pemegang unit ASNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 (TK2025), dipacu prestasi pelaburan yang berdaya tahan meskipun berdepan ketidaktentuan ekonomi global.
- Pencapaian ini seiring dengan pertumbuhan berterusan Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) kepada RM365.3 bilion, sekali gus mengukuhkan kedudukan kewangan PNB serta kemajuan ke arah mencapai sasaran LEAP-6 sebanyak RM400 bilion menjelang 2027.
- PNB terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh Korporat Malaysia, dengan menyumbang kepada usaha meningkatkan permodalan pasaran sebanyak RM100 bilion dalam tempoh lima tahun melalui kerjasama bersepadu antara GLIC dan GLC.

KUALA LUMPUR, 19 Jun 2026: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini menerbitkan Laporan Bersepadu 2025 (IR 2025), yang menyoroti prestasi dan kemajuan organisasi sepanjang tahun lalu. Laporan ini memaparkan daya tahan PNB dalam mengharungi ketidaktentuan ekonomi global, penyampaian pulangan kompetitif yang berterusan kepada pemegang unit, serta pencapaian signifikan dalam memajukan komitmen kelestarian, di samping memperkukuh peranannya dalam mengukuhkan Korporat Malaysia.

Walaupun berdepan tahun yang dipenuhi dengan ketegangan perdagangan, pelonggaran dasar monetari yang berhati-hati, dan ketidaktentuan geopolitik, PNB berjaya mencatatkan hasil pelaburan yang kukuh. Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) meningkat kepada RM365.3 bilion, membawa organisasi lebih hampir kepada sasaran LEAP-6 sebanyak RM400 bilion menjelang 2027.

Dana harga tetap PNB terus mencatatkan pulangan kukuh yang menerajui pasaran, dengan kesemua enam dana mengekalkan atau meningkatkan kadar pengagihan pendapatan serta mengatasi penanda aras deposit tetap 12 bulan. ASB khususnya mengisytiharkan agihan pendapatan sebanyak 5.75 sen seunit, iaitu 346 mata asas melebihi penanda aras, melibatkan pembayaran berjumlah RM10.4 bilion yang memberi manfaat kepada 11.4 juta pemegang unit ASB. Prestasi ini menyumbang kepada jumlah pembayaran rekod RM15.3 bilion merentasi kesemua 18 dana unit amanah PNB bagi tahun kewangan tersebut.

Prestasi ini disokong oleh strategi kepelbagaian yang berdisiplin merangkumi ekuiti, pendapatan tetap, kredit swasta dan pasaran global, yang membantu meredakan ketidaktentuan serta memastikan pulangan yang mampan.

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB berkata, "Mandat kami melangkaui pulangan kewangan. Ia berteraskan usaha membina daya tahan, meningkatkan kesejahteraan hidup, dan memastikan rakyat Malaysia merentas generasi menikmati kemakmuran yang mampan."

Berkaitan prestasi PNB, Dato' Rizal Rickman Ramli, Pemangku Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan berkata, "Tahun 2025 merupakan tahun pelaksanaan di bawah perjalanan transformasi LEAP-6 kami. Pertumbuhan AUM bukan sahaja mencerminkan kekuatan kewangan, tetapi juga keberkesanan pendekatan berfokuskan pelanggan serta strategi pelaburan yang berdisiplin."

PNB terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh Korporat Malaysia, dengan menyumbang kepada usaha meningkatkan permodalan pasaran sebanyak RM100 bilion dalam tempoh lima tahun melalui kerjasama bersepadu GLIC danGLC. Penyatuan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) di bawah PNB merupakan perkembangan struktur utama yang akan memberi implikasi jangka panjang terhadap peranan PNB dalam Korporat Malaysia, termasuk memperkukuh keupayaan dalam membangunkan perusahaan Bumiputera sepanjang perjalanan pertumbuhan mereka, dari pra- hingga pasca-penyenaraian. Seiring itu, peranan PNB dalam Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) serta inisiatif 10 Juara Bumiputera mencerminkan komitmennya untuk memupuk pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan membangunkan perniagaan yang berdaya saing serta bersedia menghadapi masa hadapan.

Pada masa yang sama, di peringkat akar umbi, PNB memperluas program literasi kewangan dan pemerksaan. Inisiatif literasi kewangan seperti Celik MADANI telah mendapat sambutan nasional yang kukuh, dengan lebih 200,000 pelajar menyertainya setakat 2026.

IR 2025 turut menekankan kemajuan PNB dalam mengintegrasikan amalan kelestarian merentasi portfolio pelaburan dan operasinya. PNB telah mencapai pelepasan sifar bersih (Net Zero Enterprise) bagi Skop 1 dan Skop 2 pada 2025, menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan penyahkarbonannya. PNB juga terus mara ke arah aspirasi Portfolio Sifar Bersih 2050 (Net Zero Portfolio 2050), dengan 40% pelepasan portfolio kini diliputi oleh sasaran sifar bersih yang berwibawa dan boleh kredibel. Melangkaui komitmen alam sekitar, PNB telah memperuntukkan RM100 juta untuk pelbagai inisiatif sosial, termasuk dalam bidang pendidikan, pembangunan komuniti, penjagaan kesihatan, kemampuan alam sekitar dan literasi kewangan, selain pengagihan skim khairat, zakat dan wakaf. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada ribuan rakyat Malaysia di seluruh negara.

"Kemampanan bukanlah elemen sampingan kepada strategi kami, ia adalah teras kepada pengurusan risiko, penciptaan nilai dan kredibiliti institusi. Pencapaian

pelepasan sifar bersih Enterprise pada 2025 membuktikan bahawa kemajuan bermakna boleh dicapai dengan niat yang jelas dan pelaksanaan yang berdisiplin,” tambah beliau.

Selepas mencatat prestasi kukuh pada 2025, Dato’ Rizal Rickman berkata, PNB akan memberikan tumpuan untuk mengekalkan momentum ini sambil, kekal peka terhadap persekitaran luaran yang semakin kompleks dan berubah-ubah.

“Prospek global terus dipengaruhi oleh ketegangan yang meningkat serta ketidakpastian makroekonomi. Khususnya, peningkatan konflik di Timur Tengah telah menambah tekanan kepada landskap geopolitik yang sedia rapuh, mengganggu rantaian bekalan, menjejaskan aliran tenaga, serta meningkatkan ketidakpastian harga tenaga global. Perkembangan ini dijangka memberi kesan rantaian kepada pertumbuhan global dan pasaran modal. Dalam mengharungi persekitaran ini, daya tahan kami disokong oleh tindakan di peringkat portfolio dan organisasi. Secara keseluruhan, usaha ini meletakkan PNB pada kedudukan kukuh untuk menghadapi cabaran jangka pendek sambil terus menyampaikan nilai mampan kepada pemegang unit kami,” katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai Laporan Bersepadu 2025 PNB, layari www.pnb.com.my.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad